

Newspaper	Berita Harian
Date	12 October 2015

PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN MCA KE-62

# Melayu, Cina perlu bersatu

BH - 12/10/2015

» BN kuat jika parti komponen sepakat: Najib

Oleh Nazura Ngah dan Norakmah Mat Youb  
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur



Najib bersama Tiong Lai pada Majlis Perhimpunan Agung Tahunan MCA Ke-62 di Wisma MCA, Kuala Lumpur, semalam. [FOTO GHAZALI KORI/BH]

**K**umpulan etnik utama di negara ini perlu bekerjasama di bawah kesatuan politik Barisan Nasional (BN) untuk menjamin keharmonian dan kemakmuran, tegas Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN berkata, selain menuntut kerjasama tanpa mengira bangsa, rakyat Malaysia perlu memiliki semangat timbang rasa untuk sama-sama melajutkan dasar dan matlamat kerajaan.

Sambil menyifatkan ia sebagai satu formula yang mampu menyumbang kepada kejayaan BN pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14), Najib berkata, tidak mustahil BN mampu muncul sebagai parti lebih kuat jika semua parti komponen bersatu padu.

Katanya, BN perlu bersedia mendengar denyut nadi rakyat dan bertindak balas sebagai sebuah kerajaan dan parti politik.

"Kita mesti sedar, perlu ada amalan memberi dan menerima dalam kalangan rakyat di negara ini, ada semangat keadilan sosial... paling penting kumpulan etnik utama perlu bekerjasama.

"Kita tidak boleh melakukannya sendiri, orang Melayu tidak boleh melakukannya sendiri, begitu juga dengan orang Cina, kita kena bekerjasama dalam satu kesatuan

politik iaitu BN," katanya ketika merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan MCA Ke-62 di Wisma MCA di sini, semalam.

Yang turut hadir, Presiden MCA, Datuk Seri Liow Tiong Lai yang juga Menteri Pengangkutan.

**Asas pembentukan negara**  
Perdana Menteri berkata, rakyat perlu kembali kepada asas pembentukan negara iaitu bekerjasama bagi membina kepercayaan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum.

Katanya, jika ada suara-suara yang mendakwa patut dihapuskan sekolah jenis kebangsaan dengan mewujudkan sekolah satu aliran, ia bukan dasar kerajaan BN.

Behau berkata, pendirian BN dalam isu terbabit adalah jelas iaitu dasar pentadbiran berteraskan pelbagai budaya, bahasa dan etnik.

"Bukan saya yang tentukan

dasar itu, sebaliknya ia ditentukan oleh empat bapa kita (Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak (Hussein), Tun Tan Cheng Lock dan Tun (VT) Sambanthan) dan daripada dasar itu, banyak kejayaan dicapai di negara ini.

"Kita bersama-sama mempertahankan prinsip asas negara yang dibina berasaskan kontrak sosial dan Perlembagaan Persekutuan... saya yakin kita mampu meraih pencapaian terbaik," katanya.

Najib berkata, kebajikan-pimpinan terdahulu yang mengamalkan dasar integrasi dan bukannya asimilasi, berjaya mengekalkan kestabilan dan hubungan baik antara kaum di negara ini.

Di samping itu, katanya kepercayaan yang dibina atas semangat konsensus berteraskan kesederhanaan menolak semua bentuk ekstremisme termasuk keganasan seperti di Asia Barat dan perkauman.

Sementara itu Najib menyangkal dakwaan pembangkang khususnya DAP bahawa MCA sekadar rakan kongsi bisu BN, sebaliknya menegaskan parti terbesar kaum Cina itu menggunakan kaedah berhemah menyatakan pandangan.

**Tolak cara biadab**

"MCA bagi pendapat dengan cara berhemah, bukan dengan cara biadab... sama ada dalam mesyuarat Kabinet, mesyuarat BN, MCA sering memberikan pandangan," katanya.

Sebagai Pengerusi BN dan Presiden UMNO, beliau berikrar untuk terus bekerjasama dengan kepemimpinan MCA yang menjadi rakan pejuang sejak sebelum merdeka.

Katanya, beliau memahami keresahan kepemimpinan MCA berhubung isu perkauman yang menyebabkan ketegangan antara kaum sejak kebelakangan ini.